

26 NOV 2001

Negara-Islam

KERAJAAN TIDAK PERLU CONTOH UNTUK ISYTIHAR NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Kerajaan tidak memerlukan contoh negara Islam lain ketika mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata ini kerana Malaysia begitu terserlah di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara yang menjalankan agenda pembangunannya berlandaskan Al Quran dan Hadis.

"Banyak negara di dunia mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang maju sehingga banyak yang ingin menjadikannya sebagai negara contoh... justeru kerajaan tidak memerlukan negara lain sebagai model ketika mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Siti Zailah Mohd Yusof.

Ketika mengemukakan soalan tambahan itu, Siti Zailah mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam sungguhpun sebelum ini rakyat diwar-warkan bahawa Islam tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di negara ini kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Beliau kemudian bertanya tentang kedudukan Al-Quran dan Hadis yang sepatutnya menjadi sumber rujukan dalam pembinaan sesebuah negara Islam.

Abdul Hamid berkata kerajaan meletakkan Al-Quran dan Hadis ditempat yang tertinggi di mana segala perancangan pembangunan kerajaan adalah berdasarkan kehendak kedua-dua sumber itu.

Sebagai contoh, katanya kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada rakyat kerana Al-Quran menekankan tentang betapa pentingnya ilmu pengetahuan.

Begitu juga dengan program pembangunan masyarakat di mana kerajaan menjalankan pelbagai rancangan bagi memberi kehidupan yang selesa kepada rakyat kerana Al-Quran mementingkan kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat, katanya.

Menjawab soalan asal anggota yang sama, Abdul Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan secara terbuka mengenai negara Islam bagi menyedarkan semua pihak bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sejak sekian lama.

-- BERNAMA

AKT AKT MOZ